

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 2001/2002

September 2001

YBP 324 – KOMUNIKASI DALAM ORGANISASI

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **TIGA** soalan.

Sumbangan markah bagi tiap-tiap soalan ialah 100 markah.

1. Proses mengorganisasi bermula dari usaha mengorientasi tingkah laku individu di peringkat interpersonal.
 - (a) Bincangkan konsep "timbal balas" dalam hubungan interpersonal dan kesannya ke atas proses mempengaruhi tingkah laku ahli organisasi untuk mencapai matlamat organisasi.
 - (b) Dengan contoh-contoh yang jelas dan berlandaskan Teori Jangkaan (Vroom, 1960), nyatakan bagaimana komunikasi interpersonal boleh digunakan pengurus untuk memotivasi ahli organisasi.
2. Dengan contoh-contoh yang sesuai, bincangkan perhubungan antara kepimpinan sesebuah organisasi yang berteraskan Teori X dan Teori Y McGregor (1960) dengan corak iklim komunikasi organisasi tersebut.
3. Kemajuan dalam bidang Teknologi Komunikasi dan Maklumat (ICT) telah menimbulkan banyak perubahan dalam organisasi masa kini.
 - (a) Bincangkan ciri-ciri teknologi komunikasi berbanding komunikasi tradisional serta kebaikan dan kelebihannya pada sesebuah organisasi.

- 2 -

- (b) Dengan contoh dan ilustrasi yang sesuai, bagaimanakah teknologi komunikasi memberi kesan kepada proses komunikasi dalam organisasi.
4. Dengan contoh-contoh yang sesuai, bincangkan bagaimanakah elemen kompleksiti dan pemusatan mempengaruhi struktur dan pola komunikasi dalam organisasi.

- ooo O ooo -